

31/07/1999

500 delegasi luar negara sertai Ekspo Cintai Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lebih 500 delegasi perdagangan luar negara dijangka menyertai Ekspo Cintai Malaysia '99 (ECM '99) pada 13 hingga 22 Ogos depan, di Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (Mines) di The Mines Resort City, di sini.

Kehadiran delegasi itu hasil promosi yang dijalankan di luar negara oleh pelbagai pihak seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Persatuan Pelancongan Cina Malaysia dan media tempatan.

Selain itu, kehadiran mereka juga dapat mengeratkan hubungan perdagangan dua hala dan membuka peluang wujudnya perjanjian persefahaman antara peniaga tempatan dengan delegasi berkenaan, selaras pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) pada 2002.

Bagi menggalakkan lebih banyak syarikat menyertai ECM '99, penganjur mewujudkan Anugerah Reka Bentuk Ruang Pameran Terbaik.

ECM '99 yang dianjurkan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI) dan Mines itu akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Ogos depan.

Sementara itu, Pengarah Pemasaran I-Marcom Sdn Bhd, Ricky Lim berkata pihaknya menyertai ECM '99 bertujuan memperkenalkan imej baru syarikatnya selepas diambil alih oleh Kumpulan Sumurwang.

"ECM '99 akan dijadikan medan memperkenalkan barangan elektrik keluaran pertama kami dibawah jenama `I' yang mula berada di pasaran 12 Ogos depan.

"Sebelum ini kami hanya mengeluarkan barangan elektrik untuk jenama terkemuka seperti Sharp, Singer dan Sony," katanya pada sidang akhbar di Balai Berita hari ini.

Beliau berkata, `I' adalah satu nama jenama baru di pasaran yang mempunyai kemampuan dan teknologi yang setaraf dengan piawaian antarabangsa.

"Pendingin hawa akan menjadi barangan utama kami selain periuk nasi, kipas dan peti ais," katanya.

Dalam pada itu, kehadiran Sunlight Production Industries (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat pengeluar barangan plastik dan pencuci serba guna pada ECM '99 adalah untuk kali kedua berturut-turut.

Menurut Pengurusnya, Paking Peh, sambutan menggalakkan daripada orang ramai mendorong syarikatnya menyertai ECM tahun ini dengan 20 ruang pameran.

"Bagaimanapun tahun ini kami akan memberikan lebih tumpuan untuk meneroka pasaran antarabangsa," katanya.

(END)